



ANALISIS KEBERKESANAN PLATFORM QALBU VERSE SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN AL-QURAN ABAD KE-21

ANALYSIS OF THE EFFECTIVENESS OF THE QALBU VERSE PLATFORM AS A MEDIUM FOR LEARNING THE QURAN IN THE 21ST CENTURY

Farah Idayu Muhd Noor¹, W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail², Nik Nur Arinah Nik Mohd Jafri³, Madihah Mohd Khairul Bahri⁴, Nur Dini Asyiqin Hazuwari⁵, Rafiqah Humaira Rohaizad⁶, Ain Umairah Zolkifle⁷

¹Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

 farahidayu989@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0002-8348-4559>

²Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

 woasaifuddin@unisza.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-8605-6448>

³Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

 arinahjafri1@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0005-9910-2529>

⁴Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

 madihahkhair@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0009-2182-4520>

⁵Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

 diniasyiqin07@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0006-5488-7390>

⁶Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

 rafiqahumaira2409@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0009-6204-8919>

⁷Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

 umairahain069@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0000-6049-6747>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.02.2026

Revised date: 25.02.2026

Accepted date: 26.03.2026

Published date: 31.03.2026

To cite this document:

Noor, F. I. M., Wan Ismail, W. O. A. S., Jafri, N. N. A. N. M., Bahri, M. M. K., Hazuwari, N. D. A., Rohaizad, R. H., & Zolkifle, A. U. (2026). Analisis Keberkesanan Platform Qalbu Verse Sebagai Medium Pembelajaran Al-Quran Abad Ke-2. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 1348-1365.

Abstract:

Kajian ini bertujuan menilai persepsi keberkesanan platform *Qalbu Verse* sebagai medium pembelajaran al-Quran yang selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Penilaian turut meneliti tahap keberkesanan penggunaan platform tersebut dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kandungan ayat al-Quran serta mengukuhkan penguasaan bacaan dan hukum tajwid di samping membentuk pemahaman nilai-nilai al-Quran, meningkatkan motivasi pembelajaran dan memperkaya pengalaman pengguna dalam kalangan pelajar Tingkatan 2. Pendekatan kuantitatif berbentuk penilaian program dengan sokongan data pemerhatian yang melibatkan 112 orang responden yang terdiri daripada 88 orang pelajar serta 24 orang guru dan ibu bapa melalui pengumpulan data menggunakan borang soal selidik berstruktur, rekod gamifikasi dan pemerhatian fasilitator. Analisis mendapati bahawa platform ini memberi kesan positif yang konsisten terhadap beberapa aspek pembelajaran. Secara keseluruhan, antara 84% hingga 88% responden pelajar memberikan penilaian positif terhadap laman web *Qalbu Verse* dari segi kebolehcapaian maklumat, reka bentuk visual, kemudahan navigasi, pautan video serta bahan pembelajaran. Dari aspek kefahaman ayat al-Quran, kesedaran pengamalan ajaran Islam, pemahaman adab dan akhlak serta pengaitan ayat dengan kehidupan sebenar, dapatan turut menunjukkan tahap penilaian positif dalam julat yang sama. Dari perspektif guru dan ibu bapa pula, penilaian terhadap kebolehgunaan, susun atur dan kesesuaian bahan pembelajaran serta sumbangannya terhadap kefahaman maksud ayat al Quran dan penghayatan nilai Islam juga berada dalam julat antara 84% hingga 88% sekali gus menunjukkan sokongan yang kuat terhadap keberkesanan platform ini. Secara keseluruhannya, *Qalbu Verse* menunjukkan potensi penghayatan nilai-nilai al-Quran, minat dan motivasi pembelajaran, penguasaan bacaan serta hukum tajwid di samping menyediakan pengalaman pembelajaran berpusatkan pelajar melalui ciri interaktif dan gamifikasi. Kesimpulannya, *Qalbu Verse* berpotensi sebagai medium pelengkap bagi proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Penggunaan platform ini disarankan untuk diselaraskan secara pedagogi, dipantau oleh guru dan disertai dengan pemilihan kandungan beretika bagi meningkatkan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar.

DOI: 10.35631/IJMOE.829080

Kata Kunci:

Gamifikasi, Nilai-Nilai Islam, Pedagogi, Pembelajaran Al-Quran, Pendidikan Abad Ke-21.

Abstract:

This study aims to assess the perception of the effectiveness of the *Qalbu Verse* platform as a medium for learning the Quran in line with the needs of 21st century education. The evaluation also examined the level of effectiveness of the platform in improving students' understanding of the content of the Quranic verses and strengthening their mastery of reading and tajwid rules, in addition to forming an understanding of the values of the Quran, increasing learning motivation and enriching the user experience among Form 2 students. The quantitative approach was in the form of a program evaluation with the support of observational data involving 112 respondents

consisting of 88 students and 24 teachers and parents through data collection using a structured questionnaire, gamification records and facilitator observations. The analysis found that this platform had a consistent positive impact on several aspects of learning. Overall, between 84% and 88% of student respondents gave a positive assessment of the *Qalbu Verse* website in terms of information accessibility, visual design, navigation facilities, video links and learning materials. In terms of understanding of the Quranic verses, awareness of practicing Islamic teachings, understanding of manners and ethics and relating verses to real life, the findings also showed a level of positive assessment in the same range. From the perspective of teachers and parents, the assessment of the usability, layout and suitability of the learning materials as well as its contribution to the understanding of the meaning of the Quranic verses and the appreciation of Islamic values also ranged between 84% and 88%, thus showing strong support for the effectiveness of this platform. Overall, *Qalbu Verse* shows the potential for the appreciation of the values of the Quran, interest and motivation for learning, mastery of reading and the rules of tajwid in addition to providing a student-centered learning experience through interactive features and gamification. In conclusion, *Qalbu Verse* has the potential to be a complementary medium for the Teaching and Learning process. The use of this platform is recommended to be pedagogically coordinated, monitored by teachers and accompanied by the selection of ethical content to increase the appreciation of Islamic values among students.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com.

Keyword:

Gamification, Islamic Values, Pedagogy, Quranic Learning, 21st Century Education.

Pengenalan

Perkembangan teknologi digital dalam era pembelajaran abad ke-21 memberi impak besar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah, termasuk Pendidikan Islam khususnya bidang al-Quran. Platform digital seperti aplikasi al-Quran interaktif, kelas dalam talian dan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) semakin meluas digunakan bagi memperkukuh PdP (Mim Fadhli Rabbi et al., 2025). Berdasarkan sejarah peradaban Islam, teknologi merupakan proses berterusan yang menjadi pencetus kejayaan tamadun Islam pada masa itu (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2020). Kehadiran platform digital membuka akses pembelajaran al-Quran yang lebih luas terutamanya bagi masyarakat di daerah dengan keterbatasan guru al-Quran berkualiti (Mim Fadhli Rabbi et al., 2025). Keupayaan teknologi menyediakan persekitaran pembelajaran yang interaktif, fleksibel dan berpusatkan pelajar menjadikannya relevan dalam meningkatkan kualiti PdP (Marlya Fatira et al., 2021). Penggunaan platform digital dalam pendidikan al-Quran dilihat sebagai pelengkap kaedah tradisional seperti *talaqqi* dan *musyafahah*, terutama bagi pelajar sekolah menengah yang cenderung menggunakan gajet dalam kehidupan seharian (Yusof, 2021). Hal ini selaras dengan pernyataan bahawa kemajuan teknologi memberi kesan signifikan terhadap metodologi pendidikan Islam dan berperanan penting dalam menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan keperluan pendidikan moden (Norliza Ab Halim

et al., 2025). Integrasi media digital diyakini mampu meningkatkan kefahaman, penguasaan bacaan dan motivasi murid dalam topik al- Quran serta membuka peluang luas dalam pengajaran al-Quran (Mustapa & Arishin, 2024). Tambahan pula, ianya perlu disepadukan untuk melahirkan masyarakat seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan penekanan kepada penerapan nilai dan pembentukan kemenjadian murid (Maimun Aqsha Lubis et al., 2022).

Walaupun pelbagai platform digital berkaitan pembelajaran al-Quran telah dibangunkan, keberkesanan penggunaannya dalam konteks bilik darjah Pendidikan Islam khususnya di peringkat sekolah menengah masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam (Norliza Ab Halim et al., 2025). Kajian literatur menunjukkan bahawa integrasi teknologi dalam pendidikan Islam memerlukan penilaian yang teliti terhadap impaknya terhadap PdP kerana faktor seperti pembangunan kemahiran pedagogi, kesediaan guru dan infrastruktur teknologi memberi kesan kepada proses pembelajaran (Norasmahani Nor & Fariza Md Sham, 2018). Di samping itu, kaedah pengajaran al-Quran yang bersifat konvensional didapati kurang menarik minat sebahagian pelajar terutamanya dalam aspek penguasaan hukum tajwid, pemahaman maksud ayat al-Quran dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian (Heni Jusuf, 2016). Situasi ini menjadi lebih mencabar apabila pelajar berhadapan dengan gaya pembelajaran abad ke-21 yang menuntut pendekatan lebih interaktif, fleksibel dan berpusatkan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Selain itu, penggunaan teknologi dalam pendidikan al-Quran sering kali dilaksanakan tanpa penilaian empirik yang sistematik terhadap kesannya terhadap kefahaman, motivasi pembelajaran dan pengalaman pengguna (Siti Rosilawati Ramlan et al., 2018). Oleh itu, kajian yang menilai secara khusus keberkesanan platform digital seperti *Qalbu Verse* amat diperlukan bagi memastikan integrasi teknologi dalam PdP Pendidikan Islam benar-benar menyokong objektif pembelajaran dan keperluan pelajar masa kini.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan adalah untuk: i. Menilai keberkesanan platform *Qalbu Verse* sebagai medium pembelajaran al-Quran yang selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21 dalam kalangan pelajar Tingkatan 2; ii. Menganalisis kesan penggunaan platform *Qalbu Verse* terhadap tahap kefahaman ayat al-Quran, penguasaan hukum tajwid, penghayatan nilai-nilai Islam serta pengaitan kandungan al-Quran dengan kehidupan sebenar; dan iii. Menentukan pengaruh penggunaan platform *Qalbu Verse* terhadap minat, motivasi pembelajaran dan perkembangan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pelajar berdasarkan persepsi pelajar, guru dan ibu bapa.

Metodologi



Rajah 1. Carta Alir Intervensi dan Penilaian Platform *Qalbu Verse*.

Rajah 1 merangkumi keseluruhan proses penyelidikan yang dilaksanakan secara berstruktur. Kajian ini bertujuan menilai persepsi terhadap keberkesanan platform *Qalbu Verse* sebagai medium pembelajaran al-Quran dalam kalangan pelajar Tingkatan 2 di sebuah Sekolah Menengah Harian di daerah Kuala Nerus (Suraini Saufi et al., 2023). Pendekatan ini dipilih bagi memperoleh data yang objektif dan berangka berkaitan pengalaman penggunaan platform tersebut dalam proses pembelajaran.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk penilaian program dengan sokongan data pemerhatian. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat menilai pola pencapaian, tahap penguasaan dan kecenderungan responden berdasarkan data yang dikumpulkan melalui soal selidik serta rekod aktiviti dalam platform. Pendekatan kuantitatif juga selaras dengan keperluan kajian yang memberi tumpuan kepada penilaian penggunaan laman web pembelajaran secara sistematik melalui analisis data berangka (Suraini Saufi et al., 2023). Di samping itu, penggunaan elemen interaktif seperti audio, video dan latihan berstruktur dalam pembelajaran digital turut dilaporkan dalam kajian lepas sebagai faktor yang dapat meningkatkan minat serta penglibatan pelajar dalam pembelajaran (Zalizan et al., 2024).

Pemilihan responden dalam kajian ini melibatkan seramai 88 orang pelajar Tingkatan 2 serta 24 orang daripada kalangan guru dan ibu bapa. Responden dipilih melalui kaedah soal selidik bagi mendapatkan maklum balas berkaitan penggunaan platform pembelajaran al-Quran (A., Amirul & Noorhazila, 2021). Guru Pendidikan Islam turut terlibat sebagai pemerhati bagi menilai kompetensi bacaan pelajar sepanjang sesi penggunaan platform dijalankan.

Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi sekitar 160 orang, saiz sampel yang dicadangkan ialah 113 responden. Oleh itu, jumlah 112 responden yang terlibat dalam kajian ini dianggap memadai dan memenuhi keperluan statistik bagi mewakili populasi kajian (Raja, 2018).

Bagi penyediaan instrumen kajian, borang soal selidik direka bentuk secara berstruktur dan disesuaikan mengikut kategori responden, iaitu pelajar serta guru dan ibu bapa. Instrumen untuk pelajar terbahagi kepada lima bahagian, iaitu Bahagian A (persepsi terhadap platform, 4 soalan), Bahagian B (kefahaman ayat al-Quran, 6 soalan), Bahagian C (pembelajaran dan minat, 4 soalan), Bahagian D (kemahiran, 3 soalan) dan Bahagian E (elemen interaktif, 1 soalan). Skala Likert lima mata digunakan bagi menunjukkan tahap penilaian responden, iaitu 1 = Sangat tidak baik, 2 = Tidak baik, 3 = Sederhana, 4 = Baik dan 5 = Sangat baik.

Bagi responden daripada kalangan guru dan ibu bapa pula, instrumen soal selidik direka bagi menilai aspek kebolegunaan platform, persepsi terhadap keberkesanan pembelajaran serta tahap kefahaman pelajar terhadap ayat al-Quran melalui penggunaan platform *Qalbu Verse*. Instrumen ini merangkumi dua bahagian utama, iaitu persepsi terhadap kebolegunaan dan keberkesanan pembelajaran serta persepsi terhadap kefahaman ayat al-Quran pelajar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 dan Jadual 6. Instrumen ini bertujuan memperoleh penilaian profesional serta pandangan luar bilik darjah berkaitan penggunaan platform sebagai medium pembelajaran al-Quran (Heni Jusuf, 2016).

Selain soal selidik, data kuantitatif turut diperoleh melalui elemen gamifikasi yang terdapat dalam platform. Data seperti bilangan pelajar yang berjaya menyelesaikan permainan, tahap pencapaian tugas serta jumlah percubaan direkodkan secara automatik oleh sistem. Maklumat ini memberikan indikator tambahan tentang tahap penguasaan hukum asas tajwid serta kefahaman kandungan al-Quran dalam kalangan pelajar (Suhaila Zailani et al., 2019).

Sebelum penggunaan platform dijalankan, satu sesi taklimat telah diadakan oleh fasilitator bagi memperkenalkan objektif kajian serta cara penggunaan platform *Qalbu Verse* kepada para pelajar (Marlya Fatira et al., 2021). Sesi ini bertujuan memastikan pelajar memahami fungsi dan ciri utama platform serta mengetahui cara memanfaatkan setiap elemen pembelajaran yang disediakan.

Semasa sesi penggunaan platform, pelajar diberi peluang untuk meneroka setiap bahagian halaman secara sendiri sebelum menyertai aktiviti pembelajaran yang disediakan. Mereka menggunakan platform untuk membaca nota pembelajaran, mengikuti aktiviti interaktif serta menyertai permainan berunsur gamifikasi yang direka bagi menyokong penguasaan asas tajwid dan pemahaman kandungan al-Quran (Permana et al., 2018). Sepanjang sesi tersebut, fasilitator memantau perkembangan pelajar bagi memastikan setiap tugas dapat diakses dan dilengkapi dengan baik.

Selepas sesi pembelajaran selesai, pengumpulan data soal selidik dijalankan. Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar secara bersemuka, manakala responden daripada kalangan guru dan ibu bapa mengisi soal selidik secara dalam talian melalui Google Form yang dikongsi melalui e-mel, WhatsApp atau Telegram bagi memudahkan pengumpulan data secara cepat dan menyeluruh (Raja, 2018). Soal selidik ini bertujuan mendapatkan maklum balas berstruktur berkaitan persepsi terhadap penggunaan platform, tahap kefahaman pelajar terhadap kandungan pembelajaran serta penilaian sendiri terhadap pengalaman pembelajaran mereka.

Analisis data kuantitatif dilakukan menggunakan statistik asas bagi menilai pola maklum balas responden terhadap penggunaan platform. Data prestasi gamifikasi dipersembahkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan bilangan pengguna bagi setiap tahap pencapaian. Data soal

selidik pula dianalisis menggunakan pengiraan frekuensi dan peratusan bagi setiap kategori (Saufi et al., 2023). Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti kecenderungan maklum balas responden secara lebih jelas dan terukur.

Keseluruhan kajian dilaksanakan dengan mematuhi etika penyelidikan yang ditetapkan. Ini termasuk memastikan kerahsiaan identiti peserta, memperoleh persetujuan responden untuk menggunakan maklumat sebagai data kajian serta memastikan semua data dikumpul dan digunakan hanya bagi tujuan akademik (Etikan & Bala, 2017).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Laman web *Qalbu Verse* digunakan sebagai medium pembelajaran bagi membantu pelajar memahami kandungan ayat al-Quran dengan lebih sistematik. Kajian ini melibatkan 88 orang pelajar serta 24 orang guru dan ibu bapa bagi menilai persepsi terhadap penggunaan laman web tersebut dari aspek reka bentuk, kandungan, navigasi dan impak pembelajaran. Semua dapatan diperoleh melalui soal selidik dan dianalisis secara deskriptif menggunakan pendekatan kuantitatif.

Dapatan Pelajar

Analisis dapatan pelajar menunjukkan kecenderungan penilaian yang positif terhadap penggunaan laman web *Qalbu Verse* sebagai medium sokongan pembelajaran al-Quran. Seramai 88 orang pelajar terlibat sebagai responden dan dapatan dibincangkan berdasarkan lima kategori utama.

Bahagian A: Persepsi Pengguna Terhadap Laman Web

Jadual 1. Persepsi Responden Terhadap Laman Web *Qalbu Verse*.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Baik	Tidak Baik	Sederhana	Baik	Sangat Baik
1	Laman web ini membantu anda dalam mengakses maklumat berkaitan bidang al-Quran bagi tingkatan 2				28 (31.8%)	60 (68.2%)
2	Penggunaan warna, ikon dan susun atur dalam laman web ini membantu anda fokus pada pembelajaran			4 (4.5%)	36 (40.9%)	48 (54.5%)
3	Panduan laman web ini sangat baik dan penggunaan butang yang mudah			8 (9.1%)	34 (38.6%)	46 (52.3%)

4	Pautan video dan bahan dalam laman web dapat diakses dengan lancar	16 (18.2%)	28 (31.8%)	44 (50.0%)
---	--------------------------------------------------------------------	---------------	---------------	---------------

Sumber: Data Soal Selidik Laman Web *Qalbu Verse*

Berdasarkan Jadual 1, majoriti pelajar memberikan penilaian positif terhadap laman web *Qalbu Verse*, khususnya dari aspek kebolehcapaian maklumat dan reka bentuk antara muka. Sebahagian besar responden menilai bahawa laman web ini membantu mereka mengakses maklumat berkaitan pembelajaran al-Quran dengan mudah. Selain itu, elemen visual seperti penggunaan warna, ikon dan susun atur laman web turut menerima penilaian yang baik hingga sangat baik daripada kebanyakan responden. Dapatan ini menunjukkan bahawa reka bentuk visual laman web berpotensi membantu pelajar mengekalkan fokus semasa proses pembelajaran. Dari segi navigasi laman web, kebanyakan pelajar juga menilai bahawa panduan penggunaan serta butang navigasi yang disediakan adalah jelas dan mudah difahami. Hal ini memberikan gambaran bahawa antara muka laman web bersifat mesra pengguna dan sesuai digunakan oleh pelajar sekolah menengah. Walaupun sebahagian responden menilai akses kepada pautan video dan bahan pembelajaran pada tahap sederhana, secara keseluruhannya responden masih memberikan penilaian yang positif terhadap kebolehcapaian bahan pembelajaran yang disediakan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar memberikan penilaian positif terhadap reka bentuk, akses maklumat dan kemudahan navigasi laman web *Qalbu Verse*. Penemuan ini selari dengan pandangan Mim Fadhli Rabbi et al. (2024) yang menyatakan bahawa platform digital yang mudah diakses berpotensi memperluas peluang pembelajaran al-Quran, khususnya dalam persekitaran pembelajaran moden.

Bahagian B: Kefahaman Ayat Al-Quran

Jadual 2. Kefahaman Pengguna Terhadap Ayat Al-Quran.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Baik	Tidak Baik	Sederhana	Baik	Sangat Baik
1	Ayat al-Quran yang dipaparkan dalam laman web ini membantu anda memahami maksud ayat tersebut			8 (9.1%)	26 (29.5%)	54 (61.4%)
2	Ayat al-Quran ini dapat memberi kesedaran tentang kepentingan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian			2 (2.3%)	22 (24.0%)	64 (72.7%)
3	Ayat al-Quran ini membantu anda memahami adab dan akhlak sebagai seorang pelajar muslim				26 (29.5%)	62 (70.5%)

4	Penerangan maksud ayat dalam laman web memudahkan anda mengingati isi penting yang terdapat dalam pelajaran bidang al-Quran Tingkatan 2	6 (6.8%)	34 (38.6%)	48 (54.5%)
5	Ayat Al-Quran yang disertakan membantu anda mengaitkan pengajarannya dengan kehidupan sebenar	6 (6.8%)	24 (27.3%)	58 (65.9%)
6	Audio bacaan ayat Al-Quran dalam laman web membantu anda memperbetulkan bacaan	12 (13.6%)	42 (47.7%)	34 (52.3%)
7	Paparan warna ayat (tajwid) Paparan warna ayat (tajwid)	6 (6.8%)	36 (40.9%)	46 (52.3)

Sumber: Data Soal Selidik Laman Web *Qalbu Verse*

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menilai secara positif penggunaan laman web *Qalbu Verse* dalam membantu mereka memahami kandungan ayat al-Quran. Majoriti responden menilai bahawa paparan ayat al-Quran serta penerangan yang disediakan membantu mereka memahami maksud ayat dengan lebih jelas. Selain itu, kandungan ayat yang dipilih juga dilihat berkait dengan pembentukan kesedaran terhadap pengamalan nilai Islam dalam kehidupan seharian. Sebahagian besar responden menilai bahawa ayat-ayat yang dipaparkan dapat membantu mereka memahami aspek adab dan akhlak sebagai seorang pelajar Muslim. Dari sudut penerangan maksud ayat, kebanyakan pelajar memberikan penilaian positif terhadap huraian yang disediakan dalam laman web. Hal ini menunjukkan bahawa penerangan tersebut berpotensi membantu pelajar mengingati isi penting pelajaran secara lebih sistematik. Elemen tambahan seperti audio bacaan ayat al-Quran serta paparan warna bagi hukum tajwid juga menerima maklum balas yang positif daripada responden. Elemen multimedia ini dilihat membantu pelajar mengenali hukum tajwid serta menyokong kemahiran bacaan al-Quran.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar menilai penggunaan *Qalbu Verse* sebagai membantu kefahaman terhadap maksud ayat al-Quran serta penghayatan nilai yang terkandung dalam ayat tersebut. Penemuan ini selari dengan pandangan Mustapa dan Arishin (2024) yang menyatakan bahawa integrasi teknologi dalam pembelajaran berpotensi menyokong kefahaman pelajar melalui penyediaan bahan pembelajaran yang pelbagai dan interaktif.

Bahagian C: Pembelajaran dan Minat

Jadual 3. Pembelajaran Dan Minat Responden Terhadap Laman Web *Qalbu Verse*.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Baik	Tidak Baik	Sederhana	Baik	Sangat Baik
1	Laman web ini meningkatkan minat anda untuk belajar Al-Quran				28 (31.8%)	58 (65.9)
2	Aktiviti interaktif dalam laman web (nota, kuiz, animasi, grafik) membantu anda mengingati isi pelajaran			2 (2.3%)	34 (38.6%)	52 (59.1%)
3	Laman web ini memudahkan anda untuk mengulangkaji pelajaran				34 (38.6%)	54 (61.4%)
4	Laman web ini membantu dalam memahami kandungan buku teks			4 (4.5%)	32 (36.4%)	52 (59.1%)

Sumber: Data Soal Selidik Laman Web *Qalbu Verse*

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa laman web *Qalbu Verse* menerima penilaian yang positif daripada pelajar dalam aspek pembelajaran dan minat terhadap al-Quran. Kebanyakan responden menilai bahawa penggunaan laman web ini membantu menjadikan pembelajaran lebih menarik berbanding pendekatan konvensional. Aktiviti interaktif yang disediakan seperti nota digital, kuiz, animasi dan grafik turut menerima penilaian yang baik daripada majoriti pelajar. Elemen interaktif ini dilihat membantu pelajar mengingati isi pelajaran serta memudahkan proses pengulangan pembelajaran secara sendiri. Selain itu, susunan kandungan yang sistematik juga memudahkan pelajar mengakses bahan pembelajaran untuk tujuan ulang kaji. Hal ini memberikan gambaran bahawa laman web tersebut boleh berfungsi sebagai bahan sokongan kepada pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar menilai penggunaan *Qalbu Verse* sebagai membantu meningkatkan minat serta menyokong proses ulang kaji pelajaran al-Quran. Penemuan ini menyokong pandangan Muhammad Zulazizi Mohd Nawi (2020) yang menegaskan bahawa teknologi boleh berperanan sebagai medium yang memperkaya pengalaman pembelajaran dalam pendidikan Islam.

Bahagian D: Kemahiran Penggunaan Laman Web

Jadual 4. Kemahiran Responden Menggunakan Laman Web *Qalbu Verse*.


Item	Pernyataan	Sangat Tidak Baik	Tidak Baik	Sederhana	Baik	Sangat Baik
1	Laman web ini membantu anda memahami ayat al-Quran dengan lebih terperinci			10 (11.4%)	30 (34.1%)	48 (54.5%)
2	Laman web ini membantu anda meningkatkan kemahiran menjawab soalan KBAT berdasarkan ayat al- Quran			12 (13.6%)	32 (36.4%)	44 (50.0%)
3	Contoh situasi dalam laman web ini membantu anda membuat refleksi diri berdasarkan pengajaran ayat			12 (13.6%)	36 (40.9%)	40 (45.5%)

Sumber: Data Soal Selidik Laman Web *Qalbu Verse*

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar memberikan penilaian yang positif terhadap peranan laman web *Qalbu Verse* dalam menyokong perkembangan kemahiran pembelajaran berkaitan ayat al-Quran. Sebahagian besar responden menilai bahawa laman web ini membantu mereka memahami ayat al-Quran dengan lebih terperinci melalui penerangan dan bahan sokongan yang disediakan. Selain itu, aktiviti dan soalan yang terdapat dalam laman web juga dilihat berpotensi merangsang kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar. Di samping itu, penyediaan contoh situasi yang dikaitkan dengan kehidupan sebenar turut membantu pelajar membuat refleksi terhadap pengajaran ayat al-Quran. Pendekatan kontekstual ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menghubungkan kandungan pembelajaran dengan pengalaman harian mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan laman web *Qalbu Verse* dikaitkan dengan perkembangan kemahiran analisis, refleksi sendiri serta pemahaman ayat al-Quran dalam kalangan pelajar. Penemuan ini selari dengan pandangan Maimun Aqsha Lubis et al. (2022) yang menekankan bahawa teknologi pendidikan boleh menyokong pembentukan pemikiran kritis dan pemahaman nilai secara lebih menyeluruh.

Bahagian E: Elemen Interaktif



Rajah 2. Kecenderungan Responden Terhadap Elemen Interaktif dalam Laman Web *Qalbu Verse*.

Sumber: Data Soal Selidik Laman Web Qalbu Verse

Berdasarkan Rajah 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi terhadap halaman yang mengandungi elemen interaktif dalam laman web *Qalbu Verse*. Halaman sudut aktiviti menerima pilihan tertinggi daripada responden berbanding halaman lain yang disediakan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung kepada bentuk pembelajaran yang melibatkan aktiviti interaktif seperti kuiz, latihan dan elemen visual yang menarik. Sebaliknya, halaman nota pembelajaran yang lebih bersifat statik menerima kadar pilihan yang lebih rendah daripada responden.

Walau bagaimanapun, halaman sudut ilmu masih memainkan peranan penting dalam menyediakan maklumat asas dan penerangan kandungan pembelajaran. Gabungan antara nota, penerangan dan aktiviti interaktif menunjukkan bahawa struktur laman web tersebut menyokong pelbagai gaya pembelajaran pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian Zalizan et al. (2024) yang menegaskan bahawa penggunaan elemen multimedia seperti audio, video dan grafik dalam bahan pembelajaran digital dapat meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran.

Dapatan Guru/Ibu Bapa

Dapatan daripada guru dan ibu bapa menunjukkan penerimaan yang positif terhadap penggunaan laman web *Qalbu Verse* sebagai medium sokongan pembelajaran al-Quran. Seramai 24 orang responden terlibat dalam bahagian ini.

Bahagian A: Persepsi Guru/Ibu Bapa Terhadap Kebolehgunaan & Keberkesanan Pembelajaran

Jadual 5. Persepsi Guru/Ibu Bapa Terhadap Kebolehgunaan & Keberkesanan Pembelajaran.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Baik	Tidak Baik	Sederhana	Baik	Sangat Baik
1	Reka bentuk dan susun atur laman web ini memudahkan pelajar/anak mengikuti pembelajaran al-Quran				10 (41.7%)	14 (58.3%)
2	Penggunaan warna, ikon dan susun atur dalam laman web membantu pelajar/anak fokus pada pembelajaran				8 (33.3%)	16 (66.7%)
3	Laman web ini mudah digunakan oleh pelajar/anak tanpa memerlukan banyak tunjuk ajar			2 (8.3%)	12 (50.0%)	10 (41.7%)
4	Pautan, video dan bahan yang disediakan dalam laman web dapat diakses dengan lancar oleh pelajar/anak				10 (41.7%)	14 (58.3%)
5	Laman web ini menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk tahap pemahaman pelajar Tingkatan 2				10 (41.7%)	14 (58.3%)

Sumber: Data Soal Selidik Laman Web *Qalbu Verse*

Berdasarkan Jadual 5, majoriti guru dan ibu bapa memberikan penilaian yang positif terhadap reka bentuk, kebolehgunaan serta kesesuaian kandungan laman web *Qalbu Verse* untuk pelajar Tingkatan 2. Sebahagian besar responden menilai bahawa reka bentuk dan susun atur laman web memudahkan pelajar mengikuti pembelajaran dengan lebih teratur. Selain itu, penggunaan elemen visual seperti warna, ikon dan susunan kandungan turut membantu pelajar mengekalkan fokus semasa menggunakan laman web tersebut. Dari segi kemudahan penggunaan, kebanyakan guru dan ibu bapa berpendapat bahawa laman web ini boleh digunakan oleh pelajar tanpa memerlukan banyak bimbingan. Hal ini menunjukkan bahawa antaramuka laman web bersifat mesra pengguna dan sesuai dengan tahap pengguna sasaran. Selain itu, responden juga menilai bahawa bahan multimedia seperti video dan pautan pembelajaran dapat diakses dengan baik dan menyokong kefahaman pelajar terhadap kandungan pembelajaran.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa guru dan ibu bapa melihat *Qalbu Verse* sebagai medium sokongan yang sesuai dalam pembelajaran al-Quran.

Bahagian B: Persepsi Guru/Ibu Bapa Terhadap Kefahaman Ayat Al-Quran

Jadual 6. Persepsi Guru/Ibu Bapa Terhadap Kefahaman Ayat Al-Quran.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Baik	Tidak Baik	Sederhana	Baik	Sangat Baik
1	Ayat al-Quran yang dipaparkan dalam laman web membantu pelajar/anak memahami maksud ayat dengan lebih jelas				12 (50.0%)	12 (50.0%)
2	Kandungan ayat al-Quran dalam laman web ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar/anak tentang kepentingan mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan				8 (33.3%)	16 (66.7%)
3	Penerangan maksud ayat al-Quran dalam laman web memudahkan pelajar/anak mengingat isi penting topik al-Quran bab 1			2 (8.3%)	12 (50.0%)	10 (41.7%)
4	Contoh dan situasi yang dikaitkan dengan ayat al-Quran membantu pelajar/anak menghubungkan ayat dengan kehidupan sebenar				6 (25.0%)	18 (75.0%)

Sumber: Data Soal Selidik Laman Web *Qalbu Verse*

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dan ibu bapa menilai secara positif peranan laman web *Qalbu Verse* dalam membantu pelajar memahami kandungan ayat al-Quran. Sebahagian besar responden berpendapat bahawa paparan ayat al-Quran dan penerangan maksud ayat dalam laman web dapat membantu pelajar memahami isi kandungan ayat dengan lebih jelas. Selain itu, kandungan ayat yang disediakan juga dilihat berkait dengan pembentukan kesedaran terhadap nilai Islam dalam kehidupan seharian. Di samping itu, penyediaan contoh situasi yang dikaitkan dengan ayat al-Quran turut dilihat membantu pelajar menghubungkan kandungan pembelajaran dengan pengalaman kehidupan sebenar. Pendekatan ini memberikan peluang kepada pelajar untuk memahami pengajaran ayat secara lebih kontekstual.

Secara keseluruhannya, dapatan daripada guru dan ibu bapa menunjukkan bahawa penggunaan *Qalbu Verse* menerima penilaian yang positif sebagai platform digital yang menyokong kefahaman ayat al-Quran dalam kalangan pelajar. Penemuan ini selari dengan pandangan Mim Fadhli Rabbi et al. (2025) yang menyatakan bahawa teknologi pendidikan berpotensi menyokong penyampaian ilmu agama secara lebih sistematik dan mudah difahami.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, laman web ini telah membantu pengguna memahami ayat al-Quran dengan lebih jelas melalui reka bentuk yang teratur, penggunaan warna yang sesuai serta penyediaan penerangan dan contoh situasi kehidupan sebenar. Walau bagaimanapun, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan platform ini. Antaranya ialah penambahan fungsi interaktif seperti kuiz automatik, latihan hafazan dan modul ulang kaji bagi menggalakkan penglibatan aktif pengguna dalam pembelajaran. Selain itu, penyediaan audio bacaan ayat al-Quran oleh qari yang pelbagai bersama pilihan kelajuan bacaan dapat membantu pengguna mendengar serta mengulang ayat dengan lebih tepat. Dari sudut teknikal pula, penambahbaikan seperti mempercepat masa muat turun video, mengoptimumkan paparan pada telefon pintar serta menyediakan mod gelap (*dark mode*) dapat meningkatkan keselesaan dan pengalaman pengguna. Di samping itu, penyediaan panduan ringkas kepada guru dan ibu bapa bagi memantau pembelajaran anak juga dilihat penting bagi memastikan proses pembelajaran berlaku secara berterusan. Kandungan pembelajaran turut boleh diperkaya dengan elemen visual seperti grafik, animasi ringkas dan peta minda bagi memudahkan pemahaman konsep penting. Justeru, pelaksanaan penambahbaikan tersebut berpotensi memperkukuh fungsi laman web ini sebagai medium pembelajaran al-Quran yang lebih berkesan, mesra pengguna serta mampu menyokong perkembangan pembelajaran digital secara berterusan dalam kalangan pengguna.

Penghargaan:	Terima kasih diucapkan kepada Pusat Pengajian Pendidikan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin atas bimbingan yang diberikan dan penghargaan yang setulusnya juga ditujukan kepada semua responden yang terlibat kerana sudi meluangkan masa serta memberikan kerjasama yang baik sepanjang pelaksanaan kajian ini. Sumbangan dan sokongan dari semua pihak amat dihargai dan menjadi motivasi untuk kami mempertingkatkan lagi kualiti penyelidikan pada masa hadapan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimiti. Data yang dikumpulkan digunakan bagi tujuan akademik sahaja.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Farah Idayu bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan kajian, Rafiqah Humaira dan Nik Nur Arinah mengendalikan proses pengumpulan data, pengurusan responden dan analisis data yang diperoleh. Madihah dan Nur Dini Asyikin menyumbang dalam penulisan sorotan literatur, penyediaan draf awal manuskrip serta pengolahan perbincangan dapatan kajian. Ain Umairah pula terlibat dalam semakan kritikal manuskrip, penambahbaikan bahasa akademik serta penyelarasan struktur penulisan. Semua penulis telah membaca, menyemak dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ab Halim, N., Wan Ismail, W. O. A. S., Ab Ghani, B., Wan Fakhrudin, W. F. W., & Ahmad Sobri, S. (2025). Technological pedagogical Islamic content: A systematic literature study. *UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 12(2), 99-111.
- A., Amirul M.M., & Noorhazila M.H. (2021). Kajian persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) atas talian bagi kursus penulisan pantun kreatif. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 22, 278–289.
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing Questionnaire Base on Selection and Designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 5(6), 1-3.
- Heni Jusuf (2016). Penggunaan gamifikasi dalam proses pembelajaran. *Jurnal technology of Information and Communication*, 5(9), 1-6.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: KPM.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Maimun Aqsha Lubis et al. (2022). Integrasi ilmu dan inovasi pendekatan digital dalam pendidikan Islam Mendepani Era Revolusi Industri 4.0 di universiti Kebangsaan Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5 (1) 27-41.
- Marlya Fatira AK, Ferawati, Satya Darmayani, Sandriana Juliana Nendissa, Opan Arifudin, Filia Dina Anggaraeni, Rudy Hidana, Nurhana Marantika, Nur Arisah, Nazaruddin Ahmad, Rinanda Febriani, Febria Sri Handayani. (2021). *Pembelajaran Digital*. Penerbit Widhina Bakti Persada Bandung.
- Norasmahani Nor, & Fariza Md Sham. (2018). Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam: Analisis keperluan dan cabaran. *Jurnal Hadhari*, 10(2), 35–49.
- Permana, Y. A., Kusumo, D. S., & Nurjanah, D. (2018). Gamification for Learning Basic Algorithm. In *2018 6th International Conference on Information and Communication Technology (ICoICT)* (pp. 402-408).
- Rabbi, M. F., Hanapi, W., Akbar, A. F., Ansyari, & Cahyadi, A. (2025). Penggunaan platform digital pada pembelajaran Al-Qur'an di Ma'had Online Al-Imam As-Syafi'i. *FIKRUNA: Jurnal Ilmiah Kependidikan dan Kemasyarakatan*, 7(2).
- Raja, T. (2018). Online tools for data collection. In *Education 5.0: Perspectives and Previews Tamil Nadu: Tamil Nadu: St. Xavier's College of Education*
- Saufi, S., Razaki, M. M., Wan Mohd Nasir, W. N. W., & Kamal, I. S. M. (2023). Kajian tahap tanggapan kebergunaan terhadap kaedah e-pembelajaran di kalangan pelajar institut pendidikan tinggi di Malaysia. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(1), 65-74.
- Siti Rosilawati Ramlan et al. (2018). Gamifikasi untuk pembelajaran bahasa: Satu tinjauan literatur sistematik. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*, (1257-1264).
- Suhaila Zailani et al. (2019). Improvement in Sarf (Morphology) competency through Gamification at Miri National Religious Secondary School (SMKAMi). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9 (1), 684-697.
- Yusof, A. S. B. M. (2021). Amalan penggunaan media digital dalam kalangan guru-guru sekolah Orang Asli. *Journal of Education and Human Development (JEHD)*, 10(2), 45- 54.

Zalizan, I. N. A., Baharum, H., & Hamzah, N. (2024). Elemen multimedia dalam Land of Magic sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa, Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 1